

08 SEP 2003

Mahathir-Bapa

PBS GELAR DR MAHATHIR "BAPA PERPADUAN NASIONAL"

KOTA KINABALU, 8 Sept (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) memberi gelaran "Bapa Perpaduan Nasional" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangan dan kepimpinan beliau menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata parti itu menghargai peranan dan sumbangan Dr Mahathir yang telah memastikan rakyat berbilang kaum dan agama terus hidup dalam suasana aman dan damai.

"Secara peribadi, saya memang amat kagum dengan ketokohan Datuk Seri sebagai seorang pemimpin dan negarawan dan kejayaan yang kita hargai ialah kemampuan beliau untuk menyatupadukan seluruh rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Oleh yang demikian, kita tidak ragu-ragu memberi gelaran Bapa Perpaduan Nasional kepada Datuk Seri Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika berucap pada majlis perasmian perhimpunan perwakilan PBS ke-18 di Dewan Hongkod Koisaan, dekat sini hari ini.

Pairin berkata PBS bukan sahaja menyanjung tinggi penekanan Perdana Menteri terhadap integrasi di kalangan rakyat majmuk di Malaysia tetapi juga kesungguhan beliau memupuk perpaduan berasaskan kekeluargaan yang lebih besar di kalangan warganegara.

Dalam soal kepimpinan, Pairin berkata walaupun beliau pernah menjadi "sparring partner" dengan beliau (Dr Mahathir) dalam beberapa perkara yang sudah lepas, "saya yang sebenarnya adalah "secret admirer" (peminat) kepada Perdana Menteri".

Beliau berkata PBS turut berterima kasih kepada Dr Mahathir yang telah menerajui pentadbiran negara dengan baik selama 22 tahun sehingga Malaysia kini terkenal di persada antarabangsa.

"Malaysia bertuah kerana mempunyai pemimpin yang berwawasan, berpandangan jauh dan berani bertindak.

"Tanpa Dr Mahathir, tiada wawasan 2020, tiada Dasar Pandang Ke Timur, tiada Proton Saga dan tiada Pusat Pentadbiran Putrajaya, dan pasti kita tidak dapat menangani krisis kewangan tahun 1997 dan 1998 yang telah melumpuhkan ekonomi beberapa negara jiran," kata beliau.

Bagi PBS, ia akan memainkan peranannya dalam Barisan Nasional (BN) untuk membantu kerajaan terutama daripada segi pelaksanaan wawasan 2020, kata Pairin.

"Memang bukan mudah untuk membawa kemajuan kepada seluruh negara kita, ia memerlukan pendekatan yang seimbang, dan memerlukan sikap sabar, tabah dan tekun," katanya.

-- BERNAMA

NT RON